

Terpaksa redah air ke sekolah

Limpahan air akibat air pasang, hujan lebat di laluan utama jejas urus harian penduduk

TANJONG KARANG – Limpahan air di laluan menghala Jeti Kunci Air Buang, di sini menimbulkan rungutan kepada penduduk dan pengguna setiap kali musim air pasang.

Sinar Harian difahamkan, fenomena air pasang yang melanda perairan daerah ini turut memberi kesan kepada penduduk apabila beberapa jalan utama dalam kampung dinaiki air masin.

Limpahan air di laluan terbabit difahamkan hanya berlaku ketika musim fenomena air pasang besar sahaja atau hujan lebat melanda kawasan berhampiran Sungai Dungun.

Pengguna, Ahmad Maidin Husin, 59, berkata, laluan utama penduduk ke pekan Tanjong Karang itu dipercayai sering dinaiki air setiap kali hujan lebat dan musim air pasang.

Menurutnya, limpahan air masin itu menimbulkan masalah kepada penduduk yang meng-

hantar anak ke sekolah dengan menunggang motosikal kerana menyebabkan pakaian kotor dan basah.

"Jalan utama penduduk ke Pekan Tanjong Karang itu sering dinaiki air lebih-lebih ketika musim air pasang yang berlaku awal pagi dan malam menyebabkan kawasan itu agak bahaya.

"Meskipun papan tanda pemberitahuan kawasan banjir namun agak membahayakan kepada anak penduduk yang menunggang basikal atau motosikal disebabkan jalan licin," katanya.

Seorang lagi penduduk, Rahim Abdul Majid, 45, berkata, pihaknya berharap pihak berwajib dapat membantu penduduk menyelesaikan isu limpahan air di laluan terbabit.

"Mungkin pihak berwajib boleh pasang benteng di kawasan parit supaya air laut tidak melimpah masuk ke kawasan jalan...lagipun



Limpahan air di laluan ke Jeti Kunci Air Buang mengundang rungutan penduduk dan pengguna jalan.

kawasan ni tak jauh dari pekan Tanjong Karang.

"Mungkin benteng guni pasir boleh diletakkan di kawasan terbabit seperti penduduk di Kampung Lembah Pantai Sungai Kajang Baru dan Sungai Yu buat di

tempat mereka.

"Lagipun kasihan bila budak sekolah terpaksa redah limpahan air masa nak pergi ke sekolah... harap pihak berwajib dapat mencari jalan penyelesaian terbaik bagi membantu penduduk," katanya.